

# TKP Penerangan baru

KUALA LUMPUR 27 Feb. - Pengarah Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu, Jabatan Penerangan, Tarmidzi Hashim (**gambar**) dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) jabatan itu berkuat kuasa 16 Februari lalu.



Menurut kenyataan Bahagian Media dan Komunikasi Korporat jabatan itu, Tarmidzi, 57, yang berasal dari Kulim, Kedah mula berkhidmat di Kementerian Penerangan (kini Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan) sejak 1999.

Beliau yang berkelulusan Sarjana Muda Komunikasi dari Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berkhidmat selama 35 tahun dalam perkhidmatan awam.

Tarmidzi sebelum ini pernah berkhidmat di Kementerian Luar dan di perwakilan-perwakilan Malaysia di Manila, Bangkok, Canberra dan Jakarta.